

Penduduk Lipis boleh dapat RM16,000 seminggu hanya dengan melombong

Jajaran Emas dari Thailand ke Melaka

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN** dan **ZULKIFLI MANZOR**

KUANTAN – Keunggulan galian berupa emas di kawasan Mukim Kechau, Lipis dekat sini merupakan sumber paling berharga bagi penduduk setempat memandangkan ia terletak dalam jajaran dikenali sebagai Sutura Raub-Bentong.

Sutura Raub-Bentong terletak dalam Jajaran Emas negara yang merentasi beberapa buah negeri di Semenanjung bermula dari Thailand hingga ke Batang Melaka, Jasin.

Felo Penyelidik Kanan, Pusat Kelestarian Ekosistem dan Sumber Alam (Pusat Alam) **Universiti Malaysia Pahang** Prof. Madya Dr. Mohd Fakhruzzai Isah berkata, Jajaran Emas itu sangat terkenal sejak dari dahulu dan mula dilombong pada zaman penjajahan British lebih 100 tahun lalu.

Katanya, lombong emas terbesar iaitu Penjom Goldmine yang terletak di Kuala Lipis juga terletak dalam jajaran berkenaan.

"Di kawasan Pahang seperti Raub serta Lipis memang mempunyai banyak galian emas, manakala di Gua Musang, walaupun agak sedikit (ditemukan emas), tetapi terdapat juga mineral lain di situ," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Terdahulu, Kosmo! semalam menyalurkan mengenai keujudan emas di kawasan Mukim Kechau di Lipis meliputi enam buah kampung yang menyekatkan penduduk hanya melakukan perlombongan di kawasan sekitar rumah mereka.

Menurut Mohd. Fakhruzzai, walaupun emas di kawasan jajaran berkenaan telah dilombong sejak zaman British, namun sumber galian itu masih ditemui pada masa kini memandangkan banyak kawasan belum diteliti. Beliau berkata, kawasan sepe-



TANAH yang telah digali untuk kerja-kerja melombong emas di sebuah kampung di kawasan Mukim Kechau, Lipis.



KERATAN Kosmo! semalam.



MOHD. FAKHRURAZI

ti lokasi perlombongan emas di Penjom terbentuk daripada proses emas primer yang lebih ba-



ANTARA emas yang ditemui.

nyak berbanding kawasan di kampung-kampung yang terbentuk melalui proses emas sekunder.

"Pembentukan emas terbahagi kepada dua iaitu primer dan sekunder yang mana emas sekunder terdapat pada tanah yang agak cetek dan biasanya dalam jumlah sedikit berbanding primer emas berkualiti," katanya.

Bagaimanapun, Mohd. Fakhruzzai berkata, sebarang aktiviti perlombongan yang dilakukan perlu dibuat mengikut prosedur operasi standard (SOP) diikuti kerja-kerja rehabilitasi



Jajaran Emas Sutura Raub-Bentong

- Sutura Raub-Bentong terletak dalam Jalur Emas 1 dan Jalur Emas 2
- Merentasi beberapa negeri Semenanjung bermula dari Thailand hingga ke Batang Melaka, Jasin
- Syarikat perlombongan emas terkenal iaitu Penjom Goldmine terletak dalam jajaran Sutura Raub-Bentong

demi kelestarian alam.

Dalam pada itu, pakar menyatakan emas yang terdapat di Mukim Kechau, Lipis mempunyai kualiti yang sama seperti emas yang diperoleh di tempat lain di seluruh dunia.

Perilaga emas yang juga pengasas Hong Hengemas Niaga PTL, Shahrul Zakaria berkata, emas itu bagaimanapun akan dipisahkan kepada beberapa kategori berdasarkan ketulenannya selepas diproses oleh pihak kilang.

"Emas di kawasan itu biasanya diperoleh dalam bentuk seperti pasir. Kualitinya sama sahaja seperti emas di tempat lain. Saya pernah diberitahu, mereka yang melombong di Lipis

boleh dapat emas bernilai sekitar RM16,000 seminggu," katanya.

Shahrul berkata, emas yang diperoleh di Lipis kemudian akan dijual kepada peraih pada kadar 92 peratus harga emas semasa.

Menurut beliau, peraih kemudian akan menjual emas itu kepada peniaga untuk dijadikan sebagai barang kemas.

Sementara itu, sumber Ar Rahu sebuah bank tempatan menjelaskan, kualiti emas dari Lipis sama seperti emas lain cuma harganya lebih murah.

Kata beliau, keadaan itu mungkin disebabkan faktor permintaan dan terdapat pihak yang memproses sendiri emas di kawasan tersebut.